


## Cara mengemukakan tuntutan untuk HLM Takaful Tenang & HLM Takaful Tenang 75



- 1) Penuntut perlu mendapatkan borang tuntutan yang diperlukan dari laman web atau melalui [www.hlmtserv.com](http://www.hlmtserv.com).
- 2) Penuntut perlu menyerahkan dokumen asas lengkap yang diperlukan ke HLMT melalui [HLMT\\_CLAIMS@takaful.hongleong.com.my](mailto:HLMT_CLAIMS@takaful.hongleong.com.my). HLMT berhak untuk meminta dokumen fizikal untuk dihantar ke HLMT melalui cawangan terdekat atau menghantarnya ke Ibu Pejabat HLMT di Tingkat 5, Menara B, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor.
- 3) HLMT menyemak dan memproses tuntutan dalam tempoh 3 hari bekerja setelah menerima salinan dokumen tuntutan asas.
- 4) Tuntutan diluluskan dan pembayaran tuntutan melalui E-pembayaran dalam tempoh 2 hari bekerja. Jika dokumen fizikal diminta, tuntutan akan dibayar sebaik sahaja HLMT menerima dokumen fizikal yang diperlukan.

**Dokumen Asas yang perlu disediakan oleh Penuntut:**

**Tuntutan Kematian**

- Borang Permohonan Tuntutan Kematian
- Laporan Pegawai Perubatan mengenai Tuntutan Kematian
- Salinan Kad Pengenalan Penuntut (Kedua belah bahagian)/Pasport
- Bukti Hubungan, sebagai contoh, Sijil Perkahwinan atau Surat Beranak
- Salinan Sijil Kematian, diperakui dengan sewajarnya
- Dokumen Sijil Asal
- Salinan penyata akaun Bank atau passbook untuk tujuan E-pembayaran

**Tuntutan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)**

- Borang Permohonan Tuntutan TPD
- Laporan Pegawai Perubatan mengenai Tuntutan TPD
- Salinan Kad Pengenalan Penuntut (Kedua belah bahagian)/Pasport
- Surat pemberhentian kerja (Sekiranya bekerja)
- Dokumen Sijil Asal
- Salinan penyata akaun Bank atau passbook untuk tujuan E-pembayaran

*Nota: HLMT berhak untuk meminta dokumen tambahan yang dianggap perlu untuk memproses tuntutan.*